

ANALISIS PERKEMBANGAN ISTILAH QAWL MUKTAMAD DAN RUJUKAN KITAB MUKTAMAD DALAM MAZHAB SYAFIE

Nik Airin Aqmar Nik Azhar

Calon Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA (UITM)

Azri Bhari

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA (UITM)

Mohd Faiz Mohamed Yusof

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA (UITM)

Mohd Zuhaili Saiman

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA (UITM)

Corresponding Author's Email: azrib178@uitm.edu.my

Article history:

Received : 4 April 2023

Accepted : 10 April 2023

Published : 10 Mei 2023

ABSTRAK

Pendapat muktamad merupakan perkara yang perlu diberi perhatian terutama dalam pembentukan fatwa rasmi di Malaysia. Namun, rujukan yang digunakan kurang diberi perhatian melalui susunan kitab yang harus diutamakan terutama rujukan dalam memberi fatwa. Objektif kajian ini adalah menjelaskan fasa perkembangan istilah qawl muktamad dan kaedah menentukan pendapat muktamad. Di samping, rujukan kitab muktamad yang harus diutamakan sebelum melihat kepada kitab lain. Metodologi kajian yang digunakan berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data dan analisis data. Metode pengumpulan data dilakukan melalui penyelidikan kepustakaan. Data yang diperoleh dalam kajian berbentuk analisis kandungan dianalisis berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif untuk mendapatkan hasil kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa penulis kitab tidak lepas daripada memilih (ikhtiyarat) sendiri dan terdapat juga pandangan-pandangan lemah yang dimasukkan. Seterusnya, kajian ini mengemukakan beberapa pandangan dan kritikan sarjana terhadap kitab muktamad sebagai panduan kepada sarjana hukum sebelum menjadikan rujukan.

Kata kunci: muktamad, fasa, kaedah, rujukan, pandangan

ANALYSIS OF THE DEVELOPMENT OF THE TERM QAWL MUKTAMAD AND THE REFERENCE TO THE ULTIMATE BOOK IN MAZHAB SYAFIE

ABSTRACT

The final opinion is a matter of concern, especially in the formation of an official fatwa in Malaysia. However, the references used are given less attention in the order of books that should be prioritised, especially in giving fatwas. The objective of this study is to explain the phase of development of the term qawl ultimate and the method of determining the final opinion. In addition, the ultimate book reference should be prioritised before looking at other books. The study methodology used is qualitative, using data collection and data analysis methods. Data collection methods are done through library research. The data obtained in the studies in the form of content analysis were analysed based on inductive, diductive, and comparative methods to obtain the results. The results of this study found that the authors of the book did not shy away from choosing (ikhtiyarat) themselves, and there were also weak views included. Next, this study presents some scholarly views and criticisms of the ultimate book as a guide for legal scholars before making references.

Keywords: *ultimate, phase, method, reference, view*

PENDAHULUAN

Pendapat muktamad merupakan istilah yang tidak asing lagi digunakan oleh sarjana hukum. Penggunaan istilah muktamad ini mendapat kedudukan yang utama apabila membincangkan mengenai hukum atau keluaran fatwa. Perkara ini juga diperakukan dalam enakmen fatwa negeri seluruh Malaysia yang menjadikan qawl muktamad sebagai rujukan utama dalam mengistinbat hukum. Dalam bahagian pertama, pengkaji akan menceritakan tentang kemunculan istilah muktamad terlebih dahulu menurut sejarawan Islam, diikuti dengan penggunaan istilah muktamad dalam mazhab Syafie. Seterusnya pengkaji akan menceritakan fasa pembentukan istilah muktamad yang merangkumi empat fasa kesemuanya diikuti dengan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam penggunaan pendapat muktamad ini terutamanya dalam rujukan kitab yang digunakan. Di akhir kesimpulan pengkaji mengutarakan beberapa pandangan yang perlu dibincangkan untuk kemaslahatan bersama.

PERKEMBANGAN ISTILAH MUKTAMAD

Kajian daripada Muhammad Umar (2010) mendapati, penggunaan istilah muktamad merupakan istilah yang baharu sejak kemunculan awal ilmu usul fiqh. Kemuncak penggunaannya oleh para ulama berkembang sejak kemunculan awal pembentukan qawl muktamad iaitu ketika fasa kestabilan mazhab (*istiqrār*).

Menurut sejarawan Islam, istilah qawl muktamad berlaku sejak kejatuhan Abasiyyah pada tahun 656 Hijrah sehinggalah kemunculan *majallah al-ahkām al-adliyyah* pada tahun 1268 Hijrah, sebahagian pengkaji menyatakan ia tempoh berlakunya penyebaran taqlid semata-mata kerana pada kurun ke-4 Hijrah, berlakunya penutupan pintu ijtihad. Menurut Muhamad Ismail Abdullah & Abdul Karim Ali (2008) kebanyakan ulama-ulama mazhab pada masa ini lebih cenderung menyumbang kepada pemeliharaan mazhab masing-masing khususnya dalam mentarjihkan qawl-qawl mazhab yang banyak.

Istilah Muktamad Dalam Kitab Fiqh Syafie

Pada asalnya tidak terdapat penggunaan istilah qawl muktamad ini, bahkan karya-karya *mutaqaddimīn* mazhab Syafie juga tidak menggunakan istilah ini. Walaubagaimanapun, Syeikh Islam Zakariyya al-Ansarī merupakan fuqaha pertama yang menggunakan istilah muktamad ini, iaitu sekitar kurun 10 Hijrah (Ismon et al., 2020). Hal ini dinukilkan dalam kitab beliau yang bertajuk *Fath al-Wahāb alā Sharḥ Minhāj al-Tullāb*. Adapun anak murid beliau iaitu Imam Ibn Ḥajr al-Haytamī (m. 973H) memberikan makna khusus istilah muktamad ini dalam muqadimah kitab *Tuḥfah al-Muḥtāj li Sharḥ al-Minhāj*.

Menurut beliau, qawl muktamad di sisi Syafiiyyah ialah pandangan yang ditarjihkan daripada ijtihad Imam Syafie (204H) dari segala pandangan-pandangan beliau atau pandangan yang terbit daripada kaedah dan usul-usul yang sah sandaran kepada mazhabnya dan lazim berhukum, mengikut dan berfatwa dengan pandangan beliau (Ismon et al., 2020). Dari perspektif sumber, qawl muktamad dalam Mazhab Syafi'i boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu qawl muktamad yang bersumber daripada Imam Syafie (204H) dan qawl muktamad yang bersumber daripada *Ashāb* Syafie.

Qawl muktamad yang bersumber daripada Imam Syafie mempunyai dua bentuk iaitu *al-azhār* dan *al-masyhūr*. Antara kitab yang dijadikan rujukan untuk melihat pandangan Imam Syafie ialah kitab *al-'Umm*. Manakala, qawl muktamad yang bersumber daripada *Ashāb* Syafie juga mempunyai dua bentuk iaitu *al-asahh* dan *al-sahīh* (Ismon et al., 2020). Mengikut pandangan ulama *muta'akhhirīn*, qawl muktamad fuqaha' mazhab Shafie dari kalangan *mutaqaddimīn* ialah pendapat yang ditarjihkan oleh al-Nawawī (676H) dan al-Rāfi'ī (623H) (Ismon et al., 2020)

Di samping itu, apa yang disepakati oleh Ibn Ḥajr (973H) dan al-Ramli (1004H) pada masalah masalah yang belum pernah dibahaskan sebelum mereka, maka turut dikira sebagai qawl muktamad iaitu mereka ini dari kalangan Fuqaha' Mazhab Syafi'i *muta'akhhirīn* (Ismon et al., 2020).

Fasa Dan Peringkat Pembentukan Pendapat Muktamad

Perbezaan pendapat yang berlaku dalam mazhab Syafie memerlukan kepada pentarjihan iaitu pemilihan pandangan yang paling kuat untuk digunakan dan boleh dikaitkan dengan beberapa fasa (Ali, 1978). Antaranya fasa pengasasan mazhab (*ta'sīs*), fasa perwayatn mazhab (*naql*), fasa suntingan mazhab (*tahrīr*)

dan fasa kestabilan mazhab (*istiqrār*). Fasa yang disenaraikan mengambil tempoh yang panjang, bermula dari fasa pengasasan mazhab sehingga fasa kestabilan mazhab (Ben-Agil & Mahaiyadin, 2019).

Fasa Pengasasan Mazhab (Ta'sīs)

Dunia Islam menyaksikan pada kurun pertama dan kurun ke-2 Hijrah kemunculan pelbagai mazhab fiqh yang memainkan peranan besar terhadap cetusan ilmu dalam mendepani isu yang melibatkan hukum hakam. Antara mazhab yang menyerlah kemunculannya ialah mazhab Imam Abu Hanifah dan mazhab Imam Malik bin Anas. Setelah itu muncul lagi mazhab yang setanding dengan perkembangan mazhab ini iaitu mazhab fiqh yang diasaskan oleh Imam Muhammad bin Idris al-Shafie.

Menurut al-Qawasimiy (2003), pembentukan pemikiran Imam Syafie bukan hanya terkesan dengan metode pemikiran Imam Malik dan anak-anak murid Imam Abu Hanifah, malah kajian beliau terhadap fiqh mazhab Imam al-Awza'i dan Imam al-Layth bin Sa'ad menyerlahkan lagi aliran pemikiran kritis beliau sehingga mazhab Syafie dikenali sebagai mazhab yang meraikan metode ahli hadith dan ahli ra'y (Nahrawi, 1988).

Qawl Imam Syafie

Qawl Imam Syafie merujuk kepada kata-kata Imam Syafie yang terdiri daripada fatwa-fatwa beliau terhadap suatu permasalahan fiqh (Al-Thaqafi, 2014). *Qawl* ini merupakan tunjang asas kepada pembentukan mazhab ini. Namun begitu perubahan pendapat dan fatwa boleh berubah dari semasa ke semasa atas faktor penyelarasan fatwa-fatwa (Ali, 1978). Kesannya, lahir pendapat lama (*qawl qadīm*) dan pendapat baru (*qawl jadīd*) Imam Syafie. Fatwa berasaskan qawl qadim dicatatkan dalam kitab *al-Hujjah* yang dikarang oleh Imam Syafie ketika beliau berada di Iraq, manakala *qawl jadīd* dicatatkan dalam kitab *al-'Umm*. Namun, *qawl qadīm* telah dimansuhkan dengan *qawl jadīd*.

Sebarang pertentangan fatwa Imam Syafie ketika di Iraq dan di Mesir yang perlu diamal sebagai pendapat muktamad ialah *qawl jadīd* (Al-Kurdi, 2011). Hal ini kerana pendapat *qadīm* telah dimansuhkan oleh beliau sendiri. Oleh itu pendapat Imam Syafie sebelum beliau masuk dan berhijrah ke Mesir tidak boleh difatwakan lagi. Berdasarkan analisis terhadap kitab *Minhāj Talibīn*, perubahan fatwa daripada *qawl qadīm* ke *qawl jadīd* sangat banyak iaitu terdapat tidak kurang daripada 66 kes (Kasdi, 2013). Namun begitu terdapat pendapat lama Imam Syafie ditarjihkan oleh fuqaha al Syafiyyah dalam kalangan *Ashab al-Wujūh*.

Menurut Ibn al-Salah (2002), pentarjihan *Ashāb al-Wujūh* bukanlah pendapat yang rasmi, namun ijthad mereka sendiri. Walaubagaimanapun, Imam Nawawi menyebutkan, beberapa fatwa *qadīm* yang ditarjih fuqaha Syafiyyah diterima, jika disokong oleh hadis sahih dan dikira sebagai mazhab Imam Syafie kerana kekuatan dalilnya, sekaligus menjadikan pendapat muktamad mazhab

Syafie. Kenyataan ini selaras dengan ungkapan oleh Imam Syafie (‘Alawi ibn Ahmad al-Makki. Al-Saqaf, 2004)

“*Jika sesuatu hadis itu sahih maka itulah mazhabku*”

Kesimpulan dari fasa ini, proses pentarjihan dan pilihan pendapat Imam Syafie dilakukan oleh *Ashāb al-Wujūh* dan pentahqiq mazhab bagi menetapkan pendapat muktamad dalam mazhab.

Fasa Periwiyatan Mazhab (Al-Naql)

Fasa ini bermula selepas kewafatan Imam Syafie. Anak-anak murid beliau seperti al-Buwayti (M: 231H), al-Muzani (M: 264H) dan al-Rabi’ al-Muradi (M:270H) telah mewarisi ajaran Imam Syafie dan ijthad beliau melalui penulisan dan periwiyatan (Ali, 1978). Peranan murid Imam Syafie bukan hanya meriwiyatkan qawl-qawl dan kitab-kitab guru mereka malah membantu perkembangan mazhab Syafie melalui usul (prinsip-prinsip asas) dan kaedah *istinbāt* hukum yang menjadi pegangan asas Imam Syafie (Ali, 1978). Kesannya, ramai para penuntut yang tersebar dari seluruh pelusuk dunia.

Proses periwiyatan mazhab ini berterusan sehingga muncul dua aliran Syafiiyyah terbesar iaitu aliran Iraq (*Iraqiyyūn*) dan Khurasan (*Hurasaniyyūn*). Kedua dua aliran ini memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan mazhab Syafie dan menyelesaikan pelbagai permasalahan fiqh yang berlaku dan *istinbāt* hukum berdasarkan usul dan kaedah ijthad Imam Syafie (Maghribiyyah, 2015). Namun fasa ini turut memperlihatkan wujudnya perbezaan riwayat dalam kalangan anak murid beliau. Para ulama mazhab Syafie pada kurun keempat dan kelima Hijrah berpegang kepada *qawl* yang diriwayatkan oleh anak murid beliau di Mesir iaitu al-Muzani, al-Buwayti dan al-Rabi’ bin Sulayman berbanding anak murid beliau yang lain (Jughaym, t.th).

Fasa Suntingan Mazhab (Al- Tahrīr)

Fasa ini merupakan rentetan daripada aliran ketiga yang menggabungkan antara aliran *Iraqiyyūn* dan *Hurasaniyyūn*. Ia tidak hanya menggabungkan, malah berperanan dalam melakukan penyemakan, penapisan dan pentarjihan riwayat fatwa mazhab yang terdiri daripada *qawl-qawl* Imam Syafie atau pandangan ulama Syafiiyyah terawal (Ali, 1978) Antara fuqaha Syafiiyyah yang menggalas peranan ini ialah Abd-Karim bin Muhammad al-Rāfi’ī (624 H) dan Yahya bin Sharf al-Nawawī (676 H) (Al-Qawasimiy, 2003)

Kedua-dua tokoh ini membawa pencerahan mengenai mazhab Syafie dengan lebih nyata dan jelas kedudukannya. Hal ini kerana sebelum kemunculan *al- Syahkhān* telah berlaku banyak pertentangan qawl, perbezaan periwiyatan mazhab dan khilaf *furu’* fiqh dalam kitab-kitab para *Ashāb al-Wujūh* serta banyak istilah yang samar dari sudut makna yang memerlukan kepada semakan, penapisan dan penyelarasan (Al-Qawasimiy, 2003; Muhamad Ismail Abdullah & Abdul Karim Ali, 2016).

Kedua-dua tokoh besar ini dianggap sebagai pengasas kedua mazhab Syafie (Ali, 1978). Hasil usaha dan kesungguhan mereka mendapat pengiktirafan Syafiiyyah mutakhir dengan menegaskan bahawa kitab Syafiiyyah terdahulu sebelum al-Nawawī dan al-Rāfi'ī tidak boleh dijadikan rujukan melainkan selepas melalui proses suntingan dan penyelidikan sehingga diyakini pendapat tersebut rajih di sisi mazhab Syafie ('Alawi ibn Ahmad al-Makki. Al-Saqqaf, 2004). Dengan demikian pendapat muktamad yang berautoriti ialah yang disepakati oleh al-Nawawī (676H) dan al-Rāfi'ī

Fasa Kestabilan Mazhab (Istiqrār)


Pemeliharaan pendapat muktamad al-Nawawī (676H) dan al-Rāfi'ī diteruskan lagi selepas zaman mereka berdua dengan kemunculan golongan ulama yang dianggap sebagai pentahkik (*muhaqqiqun*) dalam mazhab seperti Sheikh al Islam Zakariyya al-Ansarī (926 H), al-Khatib al-Shirbinī (977 H), Shihab al-Din al-Ramlī al-Kabir (957H), Shams al-Din al-Ramlī al-Saghir (1004H), Ibn Hajar al-Haytamī (973H) dan ramai lagi (Ali, 1978).

Fuqaha Syafiiyyah dalam fasa ini berperanan memperkukuhkan fatwa-fatwa karangan al-Nawawī dan al-Rāfi'ī dengan menjelaskan fakta-faktanya secara jelas dan terperinci, di samping mencambahkan isu-isu fiqh dan mengutarakan penyelesaian terhadap permasalahan yang belum diselesaikan kedua-dua tokoh tersebut (Ali, 1978). Antara ulama Syafiiyyah yang paling menyerlah dalam fasa ini ialah Ibn Hajar al-Haytami dan Sahms al-Din al-ramli atau dikenali sebagai gelaran *Syahkhān*.

Secara dasarnya, pendapat mereka berdua ini hanya mengukuhkan pendapat muktamad *Syahkhān* sebelum ini, namun mereka juga melakukan ijtihad terhadap permasalahan fiqh yang tidak disentuh oleh al-Nawawī dalam karya-karya mereka (Al-Qawasimi, 2003). Antara sebab karangan *Syahkhān* menjadi rujukan pendapat muktamad berbanding *muhaqqiq* dan *shurrah* (para pensyarah) yang lain kerana, penguasaan mereka terhadap mazhab dan perbincangan *furu'* fiqh yang luas dan menyeluruh ('Alawi ibn Ahmad al-Makki Al-Saqqaf, 2004). Al-Kurdi (2011) menyatakan, walaupun terdapat khilaf yang banyak dalam permasalahan fiqh, namun kedua-dua pendapat merupakan muktamad dalam mazhab.

Selain daripada Ibn Hajar dan Imam Ramlī, Zakariyya al-Ansarī dan Khatib al- Sharbinī turut terlibat sama dalam proses pemurnian mazhab kali kedua ini. Menurut al-Kaf (2008), ulama Syafiiyyah yang terlibat dalam proses kedua ini turut mempunyai pandangan tersendiri yang bercanggah dengan pandangan yang diputuskan al-Nawawī dan al-Rāfi'ī. Selepas berlakunya proses pemurnian mazhab kali kedua, pandangan-pandangan fiqh Khatib al-Syarbinī turut dikira qawl muktamad untuk digunakan jika pandangan-pandangan fiqh beliau tidak disentuh dalam karya fiqh Imam Ibn Hajar, Imam Ramli dan Zakariyya al-Ansarī (al-'Al, 1992; al-S. 'Alawi bin A. Al-Saqqaf, 1994; al-Zuhayli, 1992; Ali, 1978). Bagi pandangan-pandangan fiqh Zakariyya al-Ansari pula, ianya dianggap rajih dalam mazhab dan muktamad untuk difatwakan jika sesuatu masalah fiqh itu tidak disentuh dalam karangan-karangan Ibn Hajar al-

Haytamī dan Shams al-Din al-Ramlī (Al-Saqqaf, 1994). Rajah 1 di bawah menunjukkan hierraki turutan qawl muktamad mazhab Syafie (Muhammad Alif Md Aris & Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, 2017):



Rajah 1: Kedudukan Qawl Muktamad Mazhab Syafie

Rajah di atas menunjukkan hierarki kedudukan qawl muktamad dalam mazhab Syafie. Bermula daripada Imam Syafie yang harus dipegang pendapatnya dengan mengikut usul kaedah yang digariskan oleh beliau. Seterusnya pendapat al-Nawawī dan al-Rāfi'ī yang menjaga ketulenan mazhab selepas berlaku khilaf tentang penggunaan pendapat *Ashāb al-Wujūh*. Di samping itu, pendapat Imam Ibn Hajar dan Imam Ramlī yang memperkukuhkan pendapat-pendapat muktamad Imam sebelum ini diteruskan lagi dengan Imam Zakariya al-Ansarī, Khatib al-Syarbinī dan akhir sekali pendapat dari *Ashāb al-Hawasyī*.

Kaedah Mengambil Hukum Yang Muktamad Di Dalam Mazhab Syafie

Mazhab Syafie mempunyai ulama tersendiri dalam mengeluarkan fatwa. Namun tidak dinafikan terkadang fatwa yang dikeluarkan berbeza antara satu sama lain dan menimbulkan kekeliruan khususnya sarjana hukum untuk berpegang dengan pendapat mujtahid. Sebagai contoh, apabila berlaku ikhtilaf *Syaikhān* dalam berhukum, dan setiap daripada Imam merajihkan pandangan masing-masing, atau

ulama berpendapat pandangan mereka mempunyai kedudukan yang sama, maka ulama berpandangan untuk berpegang kepada pendapat Al-Nawawī.

Hal ini kerana beliau merupakan pelopor kepada proses pemurnian mazhab ketika berlaku kecelaruan dan bertaburan pendapat di kalangan *Ashāb al-Wujūh* sebelum ini, beliau juga merupakan seorang ulama yang berpengalaman, dan celik pengetahuan dalam berhukum dan disanjung dan diakui kehebatannya oleh ulama-ulama *muta'akhhirīn*. Sikap produktif yang ditonjolkan oleh beliau juga dapat dilihat dari sudut penghasilan kitab dari masa ke semasa sehingga pendapat dan pentarjihannya juga berbeza mengikut situasi (Abdul Qadir, 2004).

Namun demikian, menerusi pernyataan yang disebutkan sebelum ini mengenai penghasilan kitab yang berbeza mengikut situasi, menatijahkan banyak ikhtilaf yang berlaku menerusi pendapat beliau untuk merajihkan pendapatnya, Oleh sebab itu, ulama telah menyusun turutan kitab al-Nawawī jika berlaku *ta'arudh* pertentangan dalam perbezaan pendapatnya dalam berfatwa (Abdul Qadir, 2004). Susunannya seperti berikut (Abdul Qadir, 2004):

1. At-Tahqīq
2. Al-Majmu (Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab)
3. At-Tanqīh (namun ketiga kitab di atas belum diselesaikan penulisannya oleh al-Nawawī)
4. Ar-Raudha' (Raudhah at-Talibih fi Al-Fiqh)
5. Al-Minhāj (Minhāj At-Talibhīn fi Al-Fiqh- Mukhtashar Al-Muharrar fi Al-Fiqh)
6. Al-Fatawa (Al-Mantsurat - Al Masa'il Al-Mantsurah)
7. Syarh Muslim (Al-Minhāj Syarh Shahih Muslim bin Al-Hajjaj)
8. Tashīh At Tanbīh (At-Tanbīh 'ala maa fi at-Tanbīh - Tashīh at-Tanbīh fi-Fiqh Asy-Syafi'i),

Pentarjihan Antara Ibn Hajar Dan Al-Ramlī

Kedudukan Ibn Hajar dan al-Ramlī juga digazetkan sebagai pendapat yang muktamad di dalam kitab mereka iaitu *Tuhfah al-Muhtāj* dan *Nihayah al-Muhtāj* sehingga ada yang berpendapat tidak boleh berfatwa melainkan berpandukan kitab tersebut yang diiktiraf kemuktamadannya oleh pelbagai ulama fiqh. Para *muhaqqiqun* juga berpendapat mereka merupakan 'umdaḥ mazhab Syafie (Abdul Qadir, 2004). Imam al-Kurdi menyebutkan (Abdul Qadir, 2004):

“Setiap dari Imam ini merupakan umdaḥ ulama yang berpengetahuan tinggi kepada manusia, pembawa panji mazhab Syafie di atas bebanannya, yang membebaskan sebarang kemusykilan, mereka juga menyingkap kekaburan sehingga menempatkan mereka di kedudukan tertinggi kepercayaan”

Adapun jika berlaku percanggahan pendapat antara Imam Ibn Hajar dan Imam Ramlī, maka ulama-ulama Shafi'iyah di Hadramawt (Yaman Selatan), Sham, Kurdistan, Daghistan dan kebanyakan Yaman (Yaman Utara) dan Hijaz cenderung memilih pendapat Ibn Hajar al-Haytamī terutama sekali dalam *Tuhfah*

al-Muhtāj bi Sharh al-Minhāj (Ben-Agil & Mahaiyadin, 2019). Susunan rujukan kitab Ibn Hajar dalam berfatwa boleh dilihat seperti berikut (Abdul Qadir, 2004):

1. Tuhfah al-Muhtāj
2. Fathul Jawad ‘ala Irsyad
3. Al-‘Imdād
4. Al-‘Iy’ab Syarah al-‘Ibb
5. Fatawa (Al-Dumyati menyebutkan: kedudukan Fatwa dan Syarah al-‘Ibbāb adalah sama, akan tetapi mendahulukan Syarah al-‘Ibbāb lebih utama)

Manakala kebanyakan ulama Shafiiyyah di Mesir cenderung memilih pendapat Imam Ramlī terutama dalam kitab beliau, *Nihayah al-Muhtāj Ila Sharh al-Minhāj*. Negara Mesir menjadikan pendapat al-Ramlī sebagai qawl muktamad selepas diiktiraf kesahihannya oleh empat ratus ulama sehingga mencapai peringkat *tawatir*. Kitab *Nihayah al-Muhtāj* yang menjadi rujukan para sarjana sehingga kini hakikatnya mengambil tempoh selama sepuluh tahun oleh penulis untuk menyiapkannya oleh kerana disiplin beliau yang sering bermuraja’ah terhadap penulisan yang dihasilkan (Zafar Darik, 2015). Berlaku ikhtilaf dalam mendahulukan antara kitab *Nihayah al-Muhtāj* dan *Syarah al-‘Iydāh* dalam beberapa masalah. Oleh itu, Syeikh Kurdi menjelaskan khilaf yang berlaku dalam *Syarah al-‘Iydāh* mestilah merujuk kepada kitab yang terawal iaitu *Nihayah al-Muhtāj* kerana ianya lebih muktamad berbanding kemudiannya.

Bagi ulama-ulama Shafi’iyyah di Haramayn (Mekah dan Madinah), pada permulaannya mereka mengutamakan pandangan-pandangan fiqh Imam Ibn Hajar berbanding pandangan Imam Ramlī, namun keadaan ini berubah apabila muncul ramai ulama Shafi’iyyah dari Mesir di dua Tanah Haram tersebut. Mereka telah mempopularkan pandangan-pandangan fiqh Imam Ramlī dalam halaqah-halaqah pengajian mereka sehingga tersebar luas di kedua-dua Tanah Haram itu. Akhirnya bagi mereka (ulama Shafi’iyyah di Haramayn) yang mengetahui secara mendalam pandangan-pandangan fiqh Imam Ibn Hajar dan Imam Ramlī itu, mereka dapat menerima kedua-dua pandangan fiqh tersebut tanpa mentarjihkan salah satu antara keduanya (Abu Sulayman, 1986; al-S. ‘Alawi bin A. Al-Saqqaf, 1994).

Seterusnya boleh berpegang kepada pendapat Syeikh Khatib Islam Zakariya al-Ansarī, beliau juga merupakan pembangun kepada pendapat muktamad. Antara karangan beliau yang boleh dijadikan sumber seperti kitab *Minhāj Mukhtasar Minhāj Nawawī*, dan kitab syarahannya, *Syarah al-Raudi* dan *Syarah al-Bahjah* (Ali Jum’ah, 2001). Kemudian pendapat Khatib al-Syarbinī melalui kitab *Mughnī al-Muhtāj Syarah al-Minhāj, Iqna’ Syarah Matan Abi Syuja’*. Kedua-dua kitab ini merupakan cetakan kitab yang masyhur dan sering dijadikan bahan rujukan para pelajar dan sarjana hukum. Akhir sekali boleh merujuk kitab-kitab *Hasyiyah* yang dipercayai kesahihannya dan tidak terkeluar dari usul mazhab seperti *Hasyiyah al-Ziyadī*, *Hasyiyah Ibnu Qasim al-‘Ibadi ‘ala Tuhfah Ibnu Hajar*, pendapat Syeikh ‘Umairah melalui kitabnya yang masyhur *Syarah al-Mahalli ‘ala Minhāj*, Syeikh *al-Shabramallisiy Ala Nihayah al-*

Muhtāj. Kitab-kitab yang disebutkan diakui oleh kesahihannya oleh ulama *muta'akhhirīn* dan dijadikan panduan sehingga kini (Ali Jum'ah, 2001).

Kitab Muktamad Mazhab Syafie

Kitab fiqh mazhab Syafie yang dikarang oleh ulama-ulama Syafi dari abad ke abad menjadi bukti bahawa keberlangsungan kitab mazhab Syafie terpelihara dan menjadi pusaka ilmu kepada pembaca. Penelitian terhadap kitab-kitab Syafiiyyah juga perlu diterapkan kerana terdapat sebahagian daripada kitab tersebut mempunyai laras bahasa yang tersendiri daripada penulis dan sebahagiannya bercanggahan dengan pendapat muktamad mazhab Syafie. Berikut merupakan kitab muktamad yang boleh dijadikan panduan kepada pembaca dan pengkaji hukum. Kitab yang terawal sebelum kemunculan al-Nawawī dan al-Rāfi'ī yang dikenali sebagai *Ashāb Al Wujūh* iaitu sebelum abad ke-7 Hijrah iaitu (Abdul Qadir, 2004; Jamaludin, 2017):

Jadual 1: Kitab Sebelum Kemunculan al-Nawawī dan al-Rāfi'ī

Bil	Judul Kitab	Pengarang
1	Al-Mukhtasar	Al-Muzani (264 H)
2	Al-Tanbīh	Al-Syirazi (476 H)
3	Al-Muhazzab	Al-Syirazi (476H)
4	Al-Wasīl	Al-Ghazali (505H)
5	Al-Wajīz	Al-Ghazali (505H)

al-Nawawī menyebutkan (Abdul Qadir, 2004):

"Lima kitab ini kitab-kitab yang masyhur serta sering dibaca oleh kalangan Syaf"iyyah"

Adapun kemunculan kitab al-Nawawī dan al-Rāfi'ī menghasilkan kitab tersebut (Jamaludin, 2017; Abdul Rahim et al., 2021; Pua et al., 2022)

Jadual 2: Kitab al-Nawawī dan al-Rāfi'ī

Bil	Judul Kitab	Pengarang
1	Al-Muharrar	al-Rāfi'ī
2	Minhāj Talibīn (ringkasan al-Muharrar)	al-Nawawī

Manakala dalam mukadimah kitab *I'ānah al-talibīn* menjelaskan hierarki rujukan fuqaha Syafiiyyah selain *Shaykhān* yang boleh dijadikan rujukan, maka boleh merujuk kepada kitab-kitab muhaqqiq mazhab yang lain (Al-Bakri, 1997; Jalaluddin, 2013; Jamaludin, 2017; Abdul Rahim et al., 2021; Pua et al., 2022).

Jadual 3: Kitab selepas al-Nawawī dan al-Rāfiʿī

Bil	Judul Kitab	Pengarang
1	al-Bahjah al-Saghīr	Syeikh Islam Zakariyya al-Ansarī
2	Manhāj al-Tullāb	Syeikh Islam Zakariyya al-Ansarī
3	Fath al-Wahhāb	Syeikh Islam Zakariyya al-Ansarī (926 H)
4	Kanzu Raghībīn	Jalaluddin al-Mahallī (864 H)
5	Tuhfah al-Muhtāj	Ibn Hajar al-Haithamī (974 H)
6	Mughni al-Muhtāj	Al-Khatib al-Syirbinī (977 H)
7	Nihayah al-Muhtāj	Al-Ramlī (1004 H)
8	Al-Gharar al-Bahiyyah	Syeikh Islam Zakariyya al-Ansarī
9	Mughnī al-Muhtāj	Khatib al-Syirbinī
10	Al-Iqnaʿ	Khatib al-Syirbinī

Sementara karya-karya *Ashāb al-Hawasyī* yang boleh dijadikan rujukan muktamad adalah mengikut susunan seperti berikut (Al-Kurdi, 2011 , Al-Saqqaf, 2004):

Jadual 4: Kitab *Ashāb al-Hawasyī*

Bil	Judul Kitab	Pengarang
1	Hasyiyah al-Ziyadī	Sheikh Nur al-Din Ali (102 H)
2	Sharh Ala al-Muharrar	Sheikh Nur al-Din Ali (102 H)
3	Hashiyah Ibn Qasim ‘Ala Sharh al-Manhaj	Sheikh Abu al-Abbas Ahmad (994 H)
4	Hashiyah ‘Ala al-Tuhfah	Sheikh Abu al-Abbas Ahmad (994 H)
5	Hashiyah ‘Amirah Ala Kanz al-Raghībīn	Sheikh Shihab al-Din Ahmad al-Burullisiy (957H)
6	Hashiyah Ala Tuhfah al-Muhtaj	Sheikh Shihab al-Din Ahmad al-Burullisiy (957H)
7	Hashiyah al-Shabramallisiy Ala Nihayah al-Muhtaj	Sheikh Abu al-Diya’ Ali bin Ali al-Shabramallisiy (1087H)
8	Hashiyah alHalabi Ala Sharh al-Manhaj	Sheikh Abu al-Farj Nur al-Din Ali (1044H)
9	Hashiyah Ala Manhaj al-Tullab	Sheikh Abu al-Farj Nur al-Din Ali (1044H)
10	Hashiyah al-Shawbari Ala Sharh al-Manhaj	Sheikh Shams al-Din Muhammad (1069H)
11	Hasyiyah ‘Ala Umdah al-Rabih Fī Maʿrifah al-Tarīq al-Wadīh	Sheikh Muhammad bin Dawud bin Sulayman al-Misri (1098H)

Menurut Al-Saqqaf (2004) *Ashāb al-Hawashī* merupakan sekumpulan tokoh (imam) yang turut menyumbang kepada perkembangan mazhab terutama dalam sudut keilmuan dan fatwa. Oleh itu, beramal, berfatwa dan membuat keputusan mahkamah (qada') diharuskan menggunakan pendapat mereka. Sebarang pentarjihan juga boleh dilakukan tanpa melihat kepada hierarki yang dinyatakan oleh al-Kurdi kerana situasi semasa untuk mengikut peringkat keutamaan pendapat menyukarkan mereka ('Alawi ibn Ahmad al-Makki. Al-Saqqaf, 2004).

Perkembangan karya ini diteruskan lagi dengan kesungguhan yang ditunjukkan ulama *muta'akhkhirīn* untuk dijadikan rujukan. Perubahan semasa yang berlaku menjadikan ijthad ulama' kini lebih terkehadapan sehingga menghasilkan kitab moden namun mengekalkan sumber asal yang menjadi rujukan kepada qawl muktamad. Antara kitab fiqh moden yang boleh dijadikan panduan seperti berikut:

Jadual 5: Kitab Fiqh Moden Mazhab Syafie

Bil	Judul Kitab	Pengarang
1	Al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh	Wahbah Zuhaili
2	Al-Syarh al-Muqnie 'Ala Zadul Mustaqni	Muhammad bin Saleh
3	Al-Mu'tamad fī Fiqh Syafie	Muhamad Zuhaili
4	Fiqh Syafie al-Muyassar	Wahbah Zuhaili

Kitab yang tertumpu dalam negara Malaysia juga tidak terlepas dalam penghasilan kitab yang memartabatkan intelektual Melayu seperti kitab jawi sebagai medium pengembangan ilmu. Kitab jawi dianggap sebagai salah satu sumbangan masyarakat Melayu tradisi yang berupaya menghasilkan buah fikiran yang digunakan sehingga kini (Abdul Malik Mohd Puad & Abd Rahim, 2018). Sumber rujukan asal atau terjemahan kitab-kitab jawi diambil dari kitab-kitab turath Arab yang berautoriti dan muktamad dalam mazhab Syafie seperti (Syed Shamsuddin et al., 2020):

Jadual 6: Kitab Jawi Mazhab Syafie

Bil	Judul kitab	Pengarang
1	Al-Sirat al-Mustaqim	Syeikh Nuruddin al-Raniri
2	Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din	Syeikh Muhammad Arsyad al-banjari
3	Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il	Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani

PANDANGAN DAN KRITIKAN SARJANA TERHADAP KITAB-KITAB MUKTAMAD

Rujukan kitab muktamad merupakan induk dalam mengkaji, meneliti dan mengistinbāt hukum. Usaha yang dilakukan oleh Imam sebelum ini memberi alternatif kepada sarjana hukum terutama dalam menyelesaikan isu-isu fiqh yang berlaku. Namun pendapat yang dikemukakan oleh penulis perlu diberi perhatian dan perincian semula kerana pandangan-pandangan yang dikemukakan penulis hakikatnya tidak lari daripada beberapa percanggahan.

Kitab-kitab *Ashāb al-Wujūh* ditegah oleh para fuqaha *muta'akhkhirīn* Syafiiyah yang muktabar untuk membacanya seperti kitab *Al-'Umm* atau *al-Majmūk* (Al-Kurdi, 2011). Secara umum, kitab-kitab mazhab yang menjadi tumpuan dalam rujukan hukum dan perbahasan fiqh mazhab Syafie ialah *al-Mukhtasar karya* Imam al-Muzani, *al-Muhazzab* dan *al-Tanbīh karya* Imam al-Syirazi dan *al-Wasīt* dan *al-Wajīz karya* Imam al-Gazali. Namun begitu, seperti yang dinyatakan al-Nawawī dalam mukadimah *al-Majmu'*, di dalam kitab mazhab (karangan *Ashāb al-Wujūh*) terdapat banyak percanggahan dan ikhtilaf antara *al-Ashāb*, dengan itu sukar untuk menentukan pendapat mazhab dan *qawl al-mu'tamad* (Salim Syed Shamsuddin et al., 2020). Turut menyokong kenyataan di atas menerusi kitab Abdul Qadir, (2004) menyebutkan:

“Masalah yang tidak dibentang oleh Syaikh al-Nawawī tidak dikira muktamad oleh kitab-kitab terdahulu melainkan telah berlaku proses semakan dan kajian bagi mereka yang ahli atau berkelayakan, sehingga ia dianggap secara zhan yang kuat merupakan pendapat yang rajih di sisi mazhab Syafie”

Kitab terkemudian selepas *Ashāb al-Wujūh* juga tidak terlepas daripada pandangan-pandangan lemah yang dikemukakan penulis, seperti kitab *Fath al-Wahāb* karangan Zakariyya al-Ansarī. Pendapat dan pemikiran beliau dalam kitab fiqhnya itu merupakan salah satu pendapat utama mazhab Syafie yang dijadikan pegangan (*mu'tamad*) (Syu'aib, 2017). Seperti sedia maklum, metode dalam mengeluarkan hukum perlu mengikut turutan yang konsisten, namun berlainan halnya dalam kitab *Fath al-Wahāb*, di mana terdapat pendapat di dalam kitab tersebut merujuk secara langsung kepada hadis tanpa terlebih dahulu berpandukan hujah al-Quran; bahkan ada juga hujah yang dikemukakan tanpa sandaran dalil *aqli* mahupun *naqli* (Syu'aib, 2017).

Kajian Salim Syed Shamsuddin et al. (2020) berpendapat, kita sedia maklum bahawa karangan Al-Nawawī sering menjadi rujukan dan beliau juga menjadi *'umda* dan *muharrir* mazhab Syafie. Meskipun demikian, mengikut tingkatan mujtahid, al-Nawawī adalah pada tingkatan keempat dan antara terendah antara jenis mujtahid-mujtahid yang lain. Beliau yang merupakan *mujtahid al-fatwa* atau *mujtahid al-tarjih*. Beliau tidak mencapai tahap mujtahid sebelum beliau. Walaupun beliau menguasai mazhab Imamnya, mengetahui dalil-dalil serta *ta'liat* Imam dan *Ashāb al-Wujūh*, mampu merungkai segala

permasalahan dan menjelaskan antara yang lemah dan kuat. Tetapi beliau masih terikat dengan kaedah mazhab.

Selain itu, al-Nawawī juga telah mengarang karya-karya beliau dalam tempoh masa yang berbeza. Kesannya, akan berlaku ikhtilaf dan percanggahan pada menyatakan pendapat yang rajih di sisi ulama Syafiiyyah (Abdul Qadir, 2004). Oleh itu, dalam pengeluaran fatwa, jika berlaku perbezaan nas atau pendapat al-Nawawī yang terdapat dalam karangan-karangan beliau, para ulama memberi penekanan supaya kita melihat kepada kedudukan dan susunan tertib kitab-kitab tersebut untuk penentuan hukum seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Kitab *Sirat al-Mustaqim* yang menjadi rujukan utama pelajar pondok juga apabila diteliti, terdapat isu fiqh yang tidak muktamad menurut mazhab Syafie (Hashim, 2011). Dari perspektif lain, kitab ini dilihat agak mundur berbanding karangan Ra'uf Singkel dan Jalal al-Din al-Tursani kerana tidak merangkumi hal-hal yang menyentuh isu kemasyarakatan dan kenegaraan (Haji Abd. Majid, 2007). Kitab *Sabil Muhtadin* yang agak popular dalam membahaskan isu fiqh yang menyeluruh juga menjadikan salah satu dari rujukannya kitab *Mughnī al-Muhtāj*, walhal kitab tersebut menjadi perselisihan sebahagian ulama untuk diaplikasikannya.

KESIMPULAN

Perkembangan istilah muktamad telah melalui fasa yang cukup panjang dalam memartabatkan kestabilan mazhab Syafie. Pengorbanan dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh ulama terdahulu menghasilkan kualiti turath fiqh Syafie yang lebih bermutu dan tersusun dari segi pendapat yang harus dipercayai dan diikuti. Keseimbangan menggunakan pendapat daripada *Ashāb al-Wujūh* juga perlu dititik beratkan sebagai *aslu* rujukan selepas kewafatan Imam Syafie. Namun, garis panduan yang disusun oleh Imam selepas mereka lebih terpandu untuk dijadikan rujukan, khususnya berkaitan pengeluaran fatwa.

Keluaran kitab-kitab berbentuk muktamad yang bersifat turathi dan kontemporari juga perlu diberi perhatian walaupun diiktiraf kemuktamadannya kerana terdapat perkara yang tidak dipersetujui oleh ulama dan sebahagian pengkaji terdahulu telah melakukan analisa terhadap rujukan kitab yang digunakan. Sikap *ihtiyāt* (berwaspada) dan ilmu yang mendalam terhadap usul mazhab harus dipelihara sebagai natijah kepada keluaran hukum yang lebih bersistematik. Institusi fatwa khususnya perlu melihat rujukan yang menepati disiplin pengeluaran kitab dan kurang membincangkan pendapat-pendapat yang lemah. Susunan kitab yang dinyatakan oleh pengkaji boleh dijadikan panduan utama kepada sarjana hukum dan pengkaji fiqh sebelum menganalisa kitab fiqh yang lain.

RUJUKAN

Abdul Malik Mohd Puad, & Abd Rahim, R. A. (2018). Kitab Jawi Dan Pengilmuan Masyarakat Melayu. *Jurnal Ulwan*, 3(1), 34–57.

- Abdul Qadir bin Abdul Muttalib al-Mandili. (2004). *Al-Khazain al-Saniyyah Min Masyahir al-Kutub al-Fiqhiyyah Li Aimmatina al-Syafi'iyah*. Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- Abdul Rahim, F. W., Mohd Anuar Bin Mamat, & Syed Shamsuddin, S. S. (2021). Pengaruh Kitab Fiqh Jawi di Alam Melayu: Pengenalan Terhadap Manuskrip Arkān al-Ṣolāt. *Sains Insani*, 6(1), 1–10. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.209>
- Abu Sulayman, 'Abd al-Wahhab Ibrahim. (1986). *Kitabah al-Baith al-'Ilmi Wa Masadir al-Dirasat al-Islamiyyah*. Dar al-Shuruq.
- al-'Al, I. S. 'Abd. (1992). *al-Baith al-'Ilmi*. Maktabah al-Zahra'.
- Al-Bakri, A. B. bin M. S. al-D. (1997). *I'ananah al-Talibin 'Ala Hall Alfaz Fath al-Mu'in*. Cetakan Dar al-Fikr.
- al-Kaf, M. bin 'Umar bin A. (2008). *al-Mu'tamad 'Ind al-Syafiyyah, Disertasi Sarjana*. Universiti Islam Beirut.
- Al-Kurdi, M. bin S. al-M. (2011). *Al-Fawa'id al-Madaniyyah Fi Man Yufta bi Qawlihi Min A'imamah al-Shafi'iyah*. Nursabah dan al-Jaafan & al-Jafi.
- Al-Qawasimi, A. Y. 'Umar. (2003). *al-Madkhal ila Mazhab al-Imam al-Syafie*. Dar al-Nafa'is.
- Al-Saqqaf, al-S. 'Alawi bin A. (1994). *al-Fawa'id al-Makkiyyah fi Ma Yahtajuhu Talabah al-Shafi'iyah min al-Masa'il wa al-Dawabit wa al-Qawa'id al-Kulliyyah, Dlm. Al-Sayyid 'Alawi bin Ahmad al-Saqqaf, Majmu'ah Sab'ah Kutub Mufidah*. Sharikah Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi
- Al-Thaqafi, A. B. ibn S. al-M. (2014). *Dirasah Mawsu'ah Li Istilahat al-Shafi'iyah*. Dar al-Nur al-Mubin.
- al-Zuhayli, M. (1992). *Marji' al-'Ulum al-Islamiyyah*. Dar al-Ma'r.
- Ali, M. I. A. (1978). *Al-Madhab 'Inda al-Shafi'iyah* (Bil.2). Majalah Universiti al-Malik Abd al-'Aziz.
- Ali Jum'ah. (2001). *al-Madkhal 'ila Dirasah al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Dar al-Salam.
- Ben-Agil, S. S. S. M., & Mahaiyadin, M. H. (2019). Analisis Pembentukan Pendapat Muktamad Dalam Mazhab Shafi'i. *Al-Qanadir International Journal of Islamic Studies*, 16(2), 1–16.
- Ibn al-Salah, A. 'Amr 'Uthman bin A. al-R. (2002). *Adab al-Mufti wa al-Mustafti. AlMadinah al-Munawwarah*. Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Ismo, A. M., Alif, M., Maktab, A., Sains, R., & Gajah, M. A. (2020). Perkembangan Penulisan Serta Penggunaan Istilah Qawl Muktamad Di Dalam Mazhab Syafie. *Jurnal 'Ulwan*, 5(1), 190–206.
- Jalaluddin. (2013). *Kanzu Raghabin Syarah Minhaj Talibin* (2nd ed.). Dar al-Minhaj.
- Jamaludin, M. H. (2017). *Kitab-Kitab yang Muktamad dalam Mazhab Syafie Disediakan oleh Mohd Hafiz Jamaludin. December 2016*.
- Jughaym, N. (t.th.). *Madkhal Ila al-Madhab al-Shafi'i*. In 2007. Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Haji Abd. Majid, M. Z. (2007). Mazhab Syafi'i di Malaysia: Sejarah, Realiti dan Prospek Masa Depan. *Jurnal Fiqh*, 4(1), 1–38. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol4no1.1>
- Hashim, J. (2011). Isu-isu Fiqh yang Tidak Muktamad Menurut Mazhab Shafi'i dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, Khas*(October 2011), 93–102.
- Kasdi, A. (2013). Pembaharuan Hukum Islam Dari Qawl Qadim ke Qawl Jadid Dalam mazhab Syafie. *Jurnal Pemikiran Islam*, 13, 321–339
- Maghribiyah, M. T. (2015). *Al-Madhab Al-Shafi'i Dirasat 'An Ahamm Mustalahatihi Wa Ashhar Musannafatihi Wa Maratib al-Tarjih Fih*. Dar alFath.
- Muhammad Alif Md Aris, & Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. (2017). Analisis Penggunaan Qawl Muktamad Mazhab Syafie dalam Fatwa-Fatwa Ibadah Oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan. In Siti Fatimah binti Salleh Mohd, Mohd Safri bin Ali, Azli Fairuz bin Laki, Tengku Fatimah Muliana binti Tengku Muda, Siti Khatijah binti Ismail, & Wan Saifuldin bin W Hassan (Eds.), *The International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society (Islac 2017)* (pp. 590–600). Faculty of Islamic Contemporary Studies, UniSZA.
- Muhamad Ismail Bin Abdullah, Abdul Karim Bin Ali, M. J. (2016). *Imam al-rafi' i serta sumbangan beliau kepada mazhab sha fi' i*. International Seminar on Syariah, Aqidah & Dakwah, Bluewave Hotel, Shah Alam
- Muhammad Umar. (2018). *al-Mu'tamad 'Inda Syafiiyyah*, (t.tp)
- Nahrawi, A. N. A. S. al-I. (1988). *Al-Imam al-Shafi' i fi Madhhabihi al-Qadim wa al-Jadid*. Maktabah al-Shabab.
- Pua, M., Ahmad, F., Abdul, F., Affandi, R., & Rahim, A. (2022). *Analisis Bentuk Penulisan Dan Kaedah Rujukan Karya Fiqh Melayu Klasik*. 12(2), 1–24.
- Salim Syed Shamsuddin, S., Muhammad Farid Wajdi Ab Rahim, I., Abdul Karim Pardon, I., & Mohammad Aizuddin Abdul Aziz, I. (2020). *Kaedah Berinteraksi Dengan Teks Turath Mazhab Syafie: Aplikasi Terhadap Hukum Kenajisan Khinzir*. 3(1), 249–266. www.insla.usim.edu.my
- Syed Shamsuddin, S. S., Ab. Rahim, M. F. W., Pardon, A. K., & Mohamed, M. F. (2020). Kitab Turath Fiqh Syafie Jawi Sebagai Medium Penyampaian Ilmu Fardu Ain di Malaysia: Analisis Metodologi Penulisan Kitab Hidayat al-Sibyan Fi Ma'rifat al-Islam wa al-Iman. *International Seminar on Islam and Science (SAIS)*, 752–774.
- Zafar Darik. (2015). *Turuq Istidlal Imam Syafie*. Dar al-Ulum Deoband.